



**PELAN ANTI RASUAH
PEJABAT DAERAH DAN TANAH JASIN
2023-2027**

Kesejahteraan Pelanggan Keprihatinan Kami

PERUTUSAN PEGAWAI DAERAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera,
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia,
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,
Salam Malaysia Madani.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya jua, Pelan Anti Rasuah (OACP) Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin (PDTJ) 2023 – 2027 berjaya dihasilkan.

PDTJ komited mendukung aspirasi Kerajaan Negeri dalam memastikan Daerah Jasin menjadi sebuah pentadbiran daerah yang bebas rasuah. Justeru, OACP PDTJ 2023 – 2027 ini dibangunkan sebagai platform ke arah pembudayaan integriti di kalangan warga kerja dan orang awam daerah Jasin terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

OACP ini juga merupakan suatu perancangan jabatan ke arah pencegahan rasuah di kalangan warga kerja PDTJ bagi memastikan setiap pegawai dan kakitangan adalah telus dan berintegriti.

Saya percaya OACP PDTJ 2023-2027 ini dapat memastikan semua inisiatif yang dirancang tercapai dan seterusnya menjadikan Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin (PDTJ) berintegriti, antirasuah dan melaksanakan tadbir urus yang baik.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Rahizi Bin Ranom', is positioned above a horizontal blue line.

Datuk Rahizi Bin Ranom
Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Jasin



PERNYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah (OACP) PDTJ 2023-2027 ini merupakan dasar yang mencerminkan komitmen Jabatan dalam membanteras gejala rasuah di dalam pejabat dan memberikan perkhidmatan yang telus kepada rakyat Daerah Jasin.

OACP ini meliputi isu-isu dalaman berkaitan dengan kelemahan integriti, governans dan antirasuah yang harus ditangani secara menyeluruh. PDTJ komited dan bertekad untuk memastikan segala inisiatif dalam OACP ini dilaksanakan dengan telus dan berakauntabiliti.

OACP PDTJ 2023-2027 ini diharapkan dapat meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan dan kepuasan pelanggan dalam pengurusan dan pentadbiran tanah sejajar dengan slogan Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin.

“Kesejahteraan Pelanggan, Keprihatinan Kami.”

Datuk Rahizi Bin Ranom

Pegawai Daerah

Pejabat Daerah dan Tanah Jasin

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
BAB 1: PENGENALAN		
1.	LATAR BELAKANG	1
2.	VISI DAN MISI PELAN ANTI RASUAH	2
3.	KEPERLUAN PELAN ANTI RASUAH	3
4.	INISIATIF	4
5.	BIDANG KEUTAMAAN	5
6.	PELAN ANTIRASUAH PDTJ 2023-2027	6-33
BAB 2: MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH		
7.	MEKANISME PELAKSANAAN	34
8.	MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIN	35
BAB 3: KESIMPULAN		36

BAB 1 : PENGENALAN

LATAR BELAKANG

PDTJ sesungguhnya amat komited dalam usaha memperkukuh integriti serta memantapkan tadbir urus organisasi, agar perkhidmatan pentadbiran tanah serta pengurusan tanah dapat disampaikan dengan lebih teratur dan berkesan.

Pelan ini adalah sebagai satu bukti kesungguhan pentadbiran tanah Negeri Melaka terlibat dalam memperkukuh nilai integriti yang merupakan pemboleh daya dalam mencapai visi dan misi Kerajaan Negeri.

Pelbagai tindakan pencegahan dan pendidikan telah dilaksanakan secara berterusan termasuklah dalam mendukung hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Negeri Melaka bebas rasuah terutamanya dalam merealisasikan Pelan Antirasuah PDTJ 2023-2027 serta pensijilan MS ISO 37001:2016 (*Anti-Bribery Management System*) PDTJ.

VISI DAN MISI

“PELAN ANTIRASUAH PEJABAT DAERAH DAN TANAH JASIN (PDTJ) 2023-2027”

SLOGAN NEGERI MELAKA

MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA
BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT

SLOGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH JASIN

KESEJAHTERAAN PELANGGAN, KEPRIHATINAN KAMI

VISI

KE ARAH PENTADBIRAN DAERAH DAN TANAH YANG BERINTEGRITI DAN BEBAS
RASUAH

MISI

MENINGKATKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI ORGANISASI
BERASASKAN TADBIR URUS TERBAIK

KEPERLUAN PELAN ANTI RASUAH

KEPERLUAN OACP PDTJ

Mengembalikan keyakinan rakyat terhadap sistem pentadbiran tanah melalui proses kerja yang efisien dan bebas rasuah serta mengenalpasti ruang-ruang baharu dengan mengkaji semula proses kerja sedia ada bagi mengelakkan birokrasi dan pihak berkepentingan mengambil kesempatan.

DEFINISI RASUAH

Berdasarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), rasuah ditakrifkan sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun.

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta SPRM 200) (Akta 694), terdapat 4 kesalahan rasuah yang utama iaitu:

- a) Meminta atau menerima rasuah
- b) Menawar atau memberi suapan
- c) Mengemukakan tuntutan palsu
- d) Menggunakan jawatan/ kedudukan untuk suapan pegawai badan awam

INISIATIF

IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

MS ISO 37001:2016
ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)

BIDANG KEUTAMAAN

PENGURUSAN PEROLEHAN

PENGUATKUASAAN

PENGURUSAN PENGELUARAN LESEN &
PERMIT

PENGURUSAN PERMOHONAN &
PEMBANGUNAN TANAH

PENGURUSAN TUNTUTAN & TERIMA
BAYARAN

PELAN ANTI RASUAH PDTJ 2023-2027

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

No	Keterangan Risiko Rasuah	Punca-punca	Akibat	a Tahap Impak (1 ~ 5)	b Kebarangkalian (1 ~ 5)	c = a x b Tahap Risiko	Tindakan Kawalan (TRAP)
1.	Aset & Inventori Pejabat						
	Kuantiti barang yang dihantar tidak cukup (kurang)	i. Kurang Integriti ii. Kurang pemantauan iii. Kecuaian	i. Kerugian kewangan ii. Menjejaskan keupayaan operasi jabatan iii. Aset tidak boleh digunakan secara optimum.	2	2	4	Reduce
	Barang yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi						
	Kecurian/kehilangan barang daripada stor yang tidak dilaporkan						

	Menggunakan aset/ barang pejabat untuk kepentingan sendiri		iv. Risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa berlaku				
	Kurang Pemantauan dan berlakunya kecuaiian						
2.	Perolehan						
	1 Pengurusan Kontrak & Tender						
	2 Pembelian & Pembekalan						
	Salah guna kuasa untuk kepentingan sendiri	i. Kurang pengetahuan/ kompeten	i. Ketirisan hasil kerajaan	2	2	4	Reduce
	Pilih kasih terhadap kontraktor dan pakatan	ii. Kurang Integriti	ii. Menjejaskan kualiti				
	Pembekalan/ penyelenggaraan/ perkhidmatan yang tidak mematuhi spesifikasi	iii. Kurang pemantauan	iii. Pembekalan/ penyelenggaraan / perkhidmatan				
	Membocorkan maklumat jabatan	iv. Kecuaian	iii. Risiko perolehan yang tidak tepat dengan kos yang tinggi				

Menerima komisen/ habuan		iv. Kurang berintegriti				
Pembelian secara berlebihan						
Manipulasi harga yang ditawarkan						
Jadual pembayaran mengikut keselesaan dan menyebelahi pembekal tertentu						
Dokumen palsu						
Pembayaran dibuat tetapi barangan belum dibekalkan						

3. Tuntutan & Terima Bayaran							
	Tuntutan/ dokumen palsu	i. Kurang pengetahuan/kompeten ii. Kurang Integriti iii. Kurang pemantauan iv. Kecuaian	i. Meningkatkan perbelanjaan kerajaan ii. Pengurangan penerimaan hasil kerajaan	2	2	4	Reduce
	Tidak merekodkan terimaan bayaran						
	Mengemukakan tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa yang tidak munasabah						

Ringkasan Pelan Tindakan

No	Keterangan Risiko Rasuah	Pelan tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelaksanaan
1.	Aset & Inventori Pejabat				
	Kuantiti barang yang dihantar tidak cukup (kurang)	i. Meningkatkan kursus kemahiran dan latihan yang lebih komprehensif. ii. Menyemak dan mengemaskini proses kerja dari semasa ke semasa. iii. Menambah baik pada borang semakan permohonan. Melaksanakan program Pengukuhan Arahan Keselamatan dan Pengukuhan Integriti	1,2,3	i. Pentadbiran dan Kewangan ii. Jawatankuasa Tatatertib	Disember 2023
	Barang yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi				
	Kecurian/ kehilangan barang daripada stor yang tidak dilaporkan				
	Menggunakan aset/ barang pejabat untuk kepentingan sendiri				
	Kurang Pemantauan dan berlakunya kecuaiian				

2. Perolehan					
1.Pengurusan Kontrak & Tender					
2.Pembelian & Pembekalan					
Salah guna kuasa untuk kepentingan sendiri	i.	Menguatkuasakan larangan penggunaan smartphone dalam bilik mesyuarat berkaitan perolehan.	1,2,3,6	i.	Pentadbiran dan Kewangan
Pilih kasih terhadap kontraktor dan pakatan				ii.	Jawatankuasa
Pembekalan/ penyelenggaraan/ perkhidmatan yang tidak mematuhi spesifikasi	ii.	Menambah baik pada borang semakan permohonan.			Tatatertib
Membocorkan maklumat jabatan	iii.	Melaksanakan pusingan kerja bagi pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi lima (5) tahun disuatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan sensitif.			
Menerima komisen/ habuan					
Pembelian secara berlebihan					
Manipulasi harga yang ditawarkan					
Jadual pembayaran mengikut keselesaan dan menyebelahi pembekal tertentu	iv.	Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasaan			
Dokumen palsu					
					Disember 2023

	<p>Pembayaran dibuat tetapi barangan belum dibekalkan</p>	<p>kuri dalam proses perolehan dan pembayaran.</p> <p>v. Melaksanakan kursus/ program pemantapan pengetahuan dan kompetensi keatas pegawai yang menguruskan kewangan dan perolehan.</p> <p>vi. Surat Aku Janji</p> <p>vii. Ikrar Bebas Rasuah (IBR)</p>			
--	---	---	--	--	--

3. Tuntutan & Terima Bayaran					
	Tuntutan/ dokumen palsu	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasakan pematuhan ke atas Arahan Perbendaharaan berhubung pembayaran dengan dokumen sokongan yang lengkap dan juga pemantauan oleh Ketua Jabatan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Melaka) 2002. ii. Melaksanakan taklimat atau refresher courses serta pengauditan berkala. iii. Penetapan senarai semak yang wajib (mandatori) dalam sistem sebelum sesuatu pembayaran boleh dibuat. iv. Kelulusan Ketua Jabatan bagi tnt melebihi 500km/ sebulan 	1,3	<ul style="list-style-type: none"> i. Pentadbiran dan kewangan ii. Jawatankuasa Tatatertib 	Disember 2023
	Tidak merekodkan terimaan bayaran				
	Mengemukakan tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa yang tidak munasabah				

		dan elaun lebih masa lebih 5 jam/ sehari.			
--	--	---	--	--	--

BAHAGIAN- PENGURUSAN TANAH

No	Keterangan Risiko Rasuah	Punca-punca	Akibat	a Tahap Impak (1 ~ 5)	b Kebarangkalian (1 ~ 5)	c = a x b Tahap Risiko	Tindakan Kawalan (TRAP)
1	Bayaran diterima tanpa direkodkan contoh pembayaran adalah seperti: - -Bayaran cukai tanah, -Bayaran permohonan tanah, -Bayaran pembelian pelan/ salinan geran/ carian rasmi/ borang	i. Kesempitan hidup ii. Kadar keberhutangan tinggi iii. Kos sara hidup yang tinggi iv. Kurang didikan agama v. Pengaruh rakan sekerja/ pasangan	i. Ketirisan hasil pada kerajaan negeri ii. Imej jabatan terjejas iii. Hilang kepercayaan masyarakat	3	1	3	Reduce

	berkanun, -Bayaran premium/ Notis 5A/7G/6A/4A/ -Bayaran Permit Batuan.	vi. Tadbir urus yang lemah					
2	Menggunakan Dokumen berkanun seperti geran, carian rasmi, pelan, borang- borang permohonan untuk tujuan peribadi.	i. Kesempitan hidup ii. Kadar keberhutangan tinggi iii. Kos sara hidup yang tinggi iv. Kurang didikan agama v. Pengaruh rakan sekerja / pasangan vi. Tadbir urus yang lemah	i. Ketirisan hasil pada kerajaan negeri ii. Imej jabatan terjejas iii. Hilang kepercayaan masyarakat	3	3	9	Reduce

		vii. SOP dan garis panduan tidak jelas dan lapuk					
3	Terima sogokan ketika siasatan tanah dan operasi penguatkuasaan dijalankan	<ul style="list-style-type: none"> i. SOP pelaksanaan tidak sempurna ii. Kekurangan pegawai pemantau iii. Tadbir urus yang lemah 	<ul style="list-style-type: none"> i. Ketirisan hasil pada kerajaan negeri ii. Imej jabatan terjejas iii. Hilang kepercayaan masyarakat 	3	2	6	Reduce
4	Pembocoran maklumat operasi penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai kurang integriti ii. Wujudnya sekutu iii. Gesaan dari pihak berkepentingan 	<ul style="list-style-type: none"> i. Ketirisan hasil ii. Imej jabatan terjejas iii. Hilang kepercayaan masyarakat 	3	2	6	Reduce

Ringkasan Pelan Tindakan

No	Keterangan Risiko Rasuah	Pelan tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelaksanaan
1	<p>Bayaran diterima tanpa direkodkan contoh pembayaran adalah seperti berikut: -</p> <ul style="list-style-type: none"> -Bayaran cukai tanah, -Bayaran permohonan tanah, -Bayaran pembelian pelan/ salinan geran/ carian rasmi/ borang berkanun, -Bayaran premium/ Notis 5A/7G/6A/4A/ -Bayaran Permit Batuan 	<ul style="list-style-type: none"> i. Bengkel pengurusan kewangan ii. Kursus penghayatan agama iii. Memperkukuhkan peranan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam AKRAB di dalam jabatan iv. Memantapkan kawalan tadbir urus v. Pembayaran secara atas talian (cashless) vi. (tampal pemakluman sebarang transaksi mesti ada resit) 	1,2,3	<ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan ii. Ketua Jabatan iii. BKP iv. iv. Ketua Bahagian/ Ketua Unit berkaitan 	Disember 2023

2	Menggunakan Dokumen berkanun seperti geran, carian rasmi, pelan, borang-borang permohonan untuk tujuan peribadi.	<ul style="list-style-type: none"> i. Penyemakan SOP dan garis panduan jabatan secara berkala bagi memantapkan kawalan pengeluaran dokumen. i. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> a) Sebelum cetak sebarang dokumen perlu pengesahan pegawai b) Kawalan kuantiti bahan cetakan i. Bengkel pengurusan kewangan ii. Kursus penghayatan agama iii. Memperkukuhkan peranan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam AKRAB di dalam jabatan 	2,3	<ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan ii. Ketua Jabatan iii. BKP iv. Ketua Bahagian/ Ketua Unit berkaitan 	Disember 2023
---	--	--	-----	---	---------------

		iv. Memantapkan kawalan tadbir urus			
3	Terima sogokan ketika siasatan tanah dan operasi penguatkuasaan dijalankan	<ul style="list-style-type: none"> i. Memperkasakan undang-undang ii. Kursus penghayatan agama iii. Memperkukuhkan peranan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam AKRAB di dalam jabatan iv. Memantapkan kawalan tadbir urus. 	1,2	<ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan ii. Ketua Jabatan iii. BKP iv. Ketua Bahagian/ Ketua Unit berkaitan 	Disember 2023

4	Pembocoran maklumat seperti operasi penguatkuasaan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Hantar kursus integriti ii. Pertukaran dalaman iii. Melaporkan salah guna kuasa pihak berkepentingan kepada yang berkenaan. 	1,2,6	<ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan ii. Ketua Jabatan iii. BKP iv. Ketua Bahagian/ Ketua Unit berkaitan 	Disember 2023
---	---	--	-------	---	---------------

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAERAH- UNIT PEMBANGUNAN FIZIKAL

No.	Keterangan Risiko Rasuah	Punca-punca	Akibat	a Tahap Impak (1 ~ 5)	b Kebarangkalian (1 ~ 5)	c = a x b Tahap Risiko	Tindakan Kawalan (TRAP)
Pengurusan Perolehan							
1.	Salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan jabatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada makluman atau edaran berkenaan pindaan pekeliling terkini yang digunakan. ii. Maklumat pindaan berkaitan nilai perolehan lambat disebarkan 	<ul style="list-style-type: none"> i. Potensi rasuah dikalangan pegawai ii. Merugikan peruntukan kewangan Kerajaan iii. Menjejaskan imej Jabatan iv. Ketidapatuhan tatacara perolehan 	3	1	3	Reduce

		<p>menyebabkan karehah birokrasi</p> <p>iii. Amalan cara kerja lama tidak mengikut tatacara perolehan menjadi ikutan pegawai baru.</p> <p>iv. Desakan dan pengaruh luar</p>					
2.	Perolehan dilaksanakan secara pecah kecil	<p>i. Kurang integriti</p> <p>ii. Pegawai mempunyai niat untuk mengekalkan proses perolehan dalam bentuk</p>	<p>i. Menjejaskan imej dan integriti jabatan kerana tidak mematuhi peraturan ketika berkuatkuasa</p> <p>ii. Merugikan kerajaan dan rakyat</p> <p>iii. Mewujudkan risiko rasuah,</p>	2	1	2	Accept

		sebut harga/Tender iii. Pegawai kurang kefahaman/kompetensi	penyelewengan, dan salah guna kuasa dalam pemilihan pembekal				
3.	Kebocoran maklumat senarai projek dan sebutharga	i. Kepentingan peribadi melebihi kepentingan awam ii. Kurang integrity iii. Terdapat ruang dan peluang	i. Imej Jabatan terjejas ii. Projek terbengkalai/tidak siap iii. Kepercayaan Masyarakat menurun iv. Kerugian kepada kerajaan	3	1	3	Reduce

4.	Pemberian kontrak berdasarkan pengaruh luar	<ul style="list-style-type: none"> i. Kurang integrity ii. Pegawai mempunyai kepentingan tertentu iii. Desakan oleh orang-orang berkepentingan 	<ul style="list-style-type: none"> i. Imej Jabatan terjejas ii. Projek terbengkalai/tidak siap iii. Kepercayaan Masyarakat menurun iv. Kerugian kepada Kerajaan 	3	2	6	Reduce
Pemantauan dan Pengawasan Projek							
1.	Penggunaan budi bicara tanpa kawalan	<ul style="list-style-type: none"> i. Garis panduan yang kurang jelas 	<ul style="list-style-type: none"> i. Keputusan yang tidak konsisten dan ketidakpuasan hati kontraktor dan pelanggan 	3	2	6	Reduce

2.	Kerja lebih masa palsu atau kerja lebih masa yang sengaja direka-reka (Lanjutan Masa)	i. Kurang pemantauan ditapak	i. Penambahan kos dan kelewatan projek siap	3	2	6	Reduce
Pengesahan dan Pembayaran Projek							
1.	Kerja di tapak tidak mengikuti spesifikasi dan <i>Bill of Quantity</i> (BQ) yang ditetapkan.	i. Kurang pemantauan dan semakan kerja ditapak	i. Kerja yang dilaksanakan tidak mematuhi spesifikasi dan <i>Bill of Quantity</i> (BQ) yang ditetapkan.	3	2	6	Reduce
2.	Pembayaran sebelum siap kerja di tapak	i. Tiada pemantauan dan pengesahan dokumentasi serta pemalsuan	i. Ketidakpatuhan tatacara kewangan	3	1	3	Reduce

		peratus kemajuan kerja					
--	--	---------------------------	--	--	--	--	--

Ringkasan Pelan Tindakan

No.	Keterangan Risiko Rasuah	Pelan tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelaksanaan
Pengurusan Perolehan					
1.	Salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan jabatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi taklimat/ edaran pekeliling perbendaharaan atau pindaan yang berkenaan. ii. Mewujudkan garis panduan /mengeluarkan arahan dalaman secara bertulis berkenaan tatacara perolehan sebutharga iii. Taklimat dan laithan berkaitan prosedur kewangan/ perolehan iv. Pengambil tindakan tatatertib terhadap salah laku pegawai 	1,2,5	i. Jawatankuasa Tatatertib	Disember 2023

2.	Perolehan dilaksanakan secara pecah kecil	<ul style="list-style-type: none"> i. Taklimat serta kursus berkiatan dasar & perundangan/ pekeling/ integriti/ wakeup call integrity ii. Penwujudan pengkalan data (data base) penilaian Syarikat kontraktor iii. Mewujudkan dasar/ Garis Panduan mengenai perolehan yang komprehensif berhubung pengisytiharan konflik kepentingan semasa proses perolehan iv. Mengukuhkan Integriti Pact sedia ada supaya seiring dengan piawaian antarabangsa v. Memperkenalkan mekanisme saluran aduan berkaitan perolehan untuk pihak yang tidak berpuashati vi. Meningkatkan sistem perolehan berasaskan teknologi (iSpeks) 	1,2,5	<ul style="list-style-type: none"> i. Pentadbiran dan Kewangan ii. Jawatankuasa Tatatertib 	Disember 2023
----	---	--	-------	--	---------------

		<p>bagi mengurangkan campurtangan manusia</p> <p>vii. Pelaksanaan tindakan tatatertib dan surcaj</p>			
3.	Kebocoran maklumat senarai projek dan sebutharga	<p>i. Mewujudkan dasar/ Garis Panduan mengenai perolehan yang komprehensif berhubung pengisytiharan konflik kepentingan semasa proses perolehan</p> <p>ii. Mengukuhkan Integrity Pact sedia ada supaya seiring dengan piawaian antarabangsa</p> <p>iii. Memperkenalkan mekanisme saluran aduan berkaitan perolehan untuk pihak yang tidak berpuas hati</p> <p>iv. Pelaksanaan tindakan tatatertib dan surcaj</p>	1,2,5	<p>i. Pentadbiran dan Kewangan</p> <p>ii. Jawatankuasa Tatatertib</p>	Disember 2023

4.	Pemberian kontrak berdasarkan pengaruh luar	<ul style="list-style-type: none"> i. Mewujudkan dasar/ Garis Panduan mengenai perolehan yang komprehensif berhubung pengisytiharan konflik kepentingan semasa proses perolehan ii. Mengukuhkan Integrity Pact sedia ada supaya seiring dengan piawaian antarabangsa iii. Memperkenalkan mekanisme saluran aduan berkaitan perolehan untuk pihak yang tidak berpuas hati. iv. Pelaksanaan tindakan tatatertib/surcaj v. Penggunaan kaedah cut off bagi petender melebihi 10 Syarikat. 	1,2,5	<ul style="list-style-type: none"> i. Pentadbiran dan Kewangan ii. Jawatankuasa Tatatertib 	Disember 2023
----	---	--	-------	--	---------------

Pemantauan dan Pengawasan Projek					
1.	Penggunaan budi bicara tanpa kawalan	i. Mewujudkan garis panduan	2,4	Ketua Jabatan	Disember 2023
2.	Permohonan Lanjutan Masa (EOT) yang tidak terkawal	i. Mewujudkan garis panduan EOT. ii. Mewajibkan penggunaan borang EOT di SST. iii. Mengadakan kursus yang berkaitan.	2,4	i. Ketua Jabatan ii. Ketua Unit Pembangunan Fizikal	Disember 2023
Pengesahan dan Pembayaran Projek					
1.	Kerja di tapak tidak mengikut spesifikasi dan <i>Bill of Quantity</i> (BQ) yang ditetapkan.	i. Memantapkan kawalan tadbir urus. ii. Memantapkan pemantauan projek di tapak.	3,6	Ketua Unit Pembangunan Fizikal	Disember 2023
2.	Pembayaran sebelum siap kerja di tapak	i. Memantapkan kawalan tadbir urus kewangan dan pemantauan projek.	3,6	Ketua Unit Pembangunan Fizikal	Disember 2023

UNIT PEMBANGUNAN MASYARAKAT

No.	Keterangan Risiko Rasuah	Punca-punca	Akibat	a Tahap Impak (1 ~ 5)	b Kebarangkalian (1 ~ 5)	c = a x b Tahap Risiko	Tindakan Kawalan (TRAP)
1.	Pesanan dipecah kecil.	i. Kerja-kerja kecemasan dan tiada perancangan kerja	i. Ketidakpatuhan tatacara perolehan	2	1	2	Accept
2.	Kekerapan membuat pembelian secara tergesa-gesa dan tanpa perancangan.	i. Tiada Perancangan	i. Ketidakpatuhan tatacara perolehan	2	1	2	Accept
3.	Pembayaran dibuat tetapi barangan belum dibekalkan.	i. Tiada pemantauan yang lebih teliti	i. Ketidakpatuhan tatacara perolehan	2	1	2	Accept

Ringkasan Pelan Tindakan

No.	Keterangan Risiko Rasuah	Pelan tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelaksanaan
1.	Pesanan dipecah kecil.	<ul style="list-style-type: none"> i. Taklimat serta kursus berkaitan dasar & perundangan, pekeling, integriti/ wake up call integrity ii. Penambahbaikan Garis Panduan Peruntukan YB 	2,5	Pembangunan Masyarakat	Disember 2023
2.	Kekerapan membuat pembelian secara tergesa – gesa dan tanpa perancangan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Taklimat berkala serta kursus berkaitan dasar & perundangan, pekeling, integriti/ wake up call integriti melibatkan kakitangan JAPERUN 	1,2,5	Pembangunan Masyarakat	Disember 2023
3.	Pembayaran dibuat tetapi barangan belum dibekalkan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Taklimat berkala serta kursus berkaitan dasar & perundangan/ pekeling/ integriti/ wake up call 	1,2,5	Pembangunan Masyarakat	Disember 2023

		integriti melibatkan kakitangan JAPERUN			
--	--	---	--	--	--

TERMA RUJUKAN (TOR)

No.	Keterangan TOR	Contoh
1.	Dasar dan perundangan	Pindaan akta atau peraturan
2.	Dokumentasi sistem kerja i.e. prosedur kerja, garis panduan dll.	Penjelasan aktiviti ke dalam SOP atau garis panduan
3.	Penerapan nilai-nilai murni dan kod etika	Ceramah, seminar, bengkel dan kursus
4.	Pengurusan pelanggan	Pemakluman kepada pelanggan tentang syarat atau garis panduan baharu atau lebih telus
5.	Kawalan fizikal dalaman	Pemasangan CCTV, penggunaan aplikasi komputer, pertukaran penempatan pegawai dan kakitangan secara berjadual
6.	Tindakan pengesanan, punitif dan pemulihan	Pertukaran penempatan pegawai dan kakitangan, tindakan tatatertib, pemeriksaan mengejut
7.	Pengiktirafan dan penghargaan	Anugerah pegawai atau kakitangan contoh

BAB 2 : MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

MEKANISME PELAKSANAAN



MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Penglibatan secara menyeluruh daripada Pengurusan Tertinggi, warga kerja, pelanggan dan pihak berkepentingan (*stakeholder*) dapat memastikan pelaksanaan OACP PDTJ secara menyeluruh.

Oleh yang demikian, bagi memastikan pelan ini bergerak seiring dengan MACP, suatu Jawatankuasa Anti Rasuah PDTJ telah ditubuhkan untuk menjalankan fungsi pemantauan.

Dalam mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti sentiasa dipantau dan dinilai berdasarkan mekanisme berikut :

PEMANTAUAN

- Menjelaskan objektif program
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif
- Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran
- Membandingkan pencapaian sebenar dan sasaran
- Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh dan memaklumkan sebarang permasalahan bagi tujuan penambahbaikan

PENILAIAN

- Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti yang terlibat
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang ditetapkan
- Memastikan aktiviti yang dilaksanakan sepertimana yang dirancang
- Memberikan maklumbalas berdasarkan kepada situasi.

BAB 3 : KESIMPULAN

Pelan Anti Rasuah PDTJ 2023-2027 merupakan satu dokumen dibangunkan untuk mengoptimumkan komitmen Pengurusan Tertinggi dalam menyokong dan mendukung dasar antirasuah kerajaan. Intipati pelan ini mengandungi tindakan yang perlu diambil sebagai menyahut dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan Melaka menjadi sebuah negeri bebas daripada rasuah.

Dalam merealisasikan inisiatif ini, PDTJ sentiasa komited untuk membangunkan pelan bagi menangani rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Ianya melibatkan tiga (3) bahagian utama Jabatan iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pembangunan Daerah dan Bahagian Pengurusan Tanah.

Demi memastikan kelestarian Pelan Anti Rasuah PDTJ ini, pelaksanaan setiap inisiatif akan dipantau dan dikaji semula secara berkala. PDTJ akan sentiasa peka terhadap perubahan semasa dengan mengambil kira pelbagai saluran maklumat sama ada secara digital mahupun seperti maklum balas, nasihat dan aduan agar inisiatif yang dirangka sentiasa relevan serta terus menjadi panduan ataupun rujukan semua pihak.